

# PERBEZAAN MANHAJ HADIS DI ANTARA AHL AL-SUNNAH DAN SYIAH IMAMIYAH: HADIS AL-THAQALAYN SEBAGAI CONTOH

## COMPARISON ON THE METHOD OF UNDERSTANDING HADITH BETWEEN AHL AL-SUNNAH AND SYIAH IMAMIYAH: HADITH AL-THAQALAYN AS AN EXAMPLE

Mohd Azri Mohd Nasaruddin <sup>1</sup>

Hazman Hassan <sup>2</sup>

Mohd Akram Dato' Dahaman @ Dahlan <sup>3</sup>

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz <sup>4</sup>

Ahmad Hifzurrahman Ridzuan <sup>5</sup>

Muhammad Isyraf Ishak <sup>6</sup>

Mohd Nazim Mohd Noor <sup>7</sup>

<sup>1</sup>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Malaysia,

(Email: abu.intisaar@gmail.com)

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,

(Email: hazman@uum.edu.my)

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,

(Email: akram@uum.edu.my)

<sup>4</sup>Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia, (Email: kasturi@unimap.edu.my)

<sup>5</sup>Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia, (Email: hifzurrahman@unimap.edu.my)

<sup>6</sup>Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), Malaysia,

(Email: isyrafishak13@gmail.com)

<sup>7</sup>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Malaysia,

(Email: mohdnazim@maips.gov.my)

### Article history

**Received date** : 19-9-2023  
**Revised date** : 25-9-2023  
**Accepted date** : 29-10-2023  
**Published date** : 14-11-2023

### To cite this document:

Mohd Nasaruddin, M. A., Hassan, H., Dahaman @ Dahlan, M. A., Nor Abd Aziz, M. K., Ridzuan, A. H., Ishak, M. I., & Mohd Noor, M. N. (2023). Perbezaan Manhaj Hadis Di Antara Ahl Al-Sunnah Dan Syiah Imamiyah: Hadis Al-Thaqalayn Sebagai Contoh. *Journal of islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 133 – 146.

**Abstrak:** *Ahl al-Sunnah dan Syiah merupakan dua aliran pemikiran terbesar umat Islam di dunia. Kedua-dua aliran ini mempunyai usul mazhab yang berbeza yang menghasilkan akidah yang berbeza. Artikel ini bertujuan melihat kesan perbezaan manhaj pemahaman ini kepada perbezaan akidah mazhab, khususnya isu berpegang dengan sunnah Ahl al-Bait. Artikel membandingkan; pertama, syarat penerimaan hadis di sisi dua mazhab. Kedua, kedudukan para sahabat di sisi kedua-dua mazhab. Ketiga, perbezaan tahap kesahihan sanad hadis al-Thaqalayn. Keempat, pemahaman matan hadis al-Thaqalayn di antara dua mazhab. Hasil kajian menunjukkan bahawa hadis al-Thaqalayn tidak mencapai darjat*

*sahih di sisi Syiah, dan Syiah tersasar dalam memahami intipati hadis al-Thaqalayn yang benar menurut Nabi SAW.*

**Kata Kunci:** *Ahl al-Sunnah, Syiah, Hadis, Perbandingan, Al-Thaqalayn.*

**Abstract:** *Ahl al-Sunnah and Syiah are the two biggest school of thought in the Islamic world. Both have their own albeit different framework in believing in their own creed. This article intended to analyze the impact of these differences to different understanding in their creed, in particular the issue of adhering to the deeds of the Ahl al-Bait. This article compares: first, the condition of accepting a narration by both school of thoughts. Second, the status of the companions. Third, the difference on the status of hadith al-Thaqalayn between two schools. Lastly, the understanding of the text of this hadith. The result showed that hadith al-Thaqalayn did not reach the status of saheeh within Syiah, and that they misunderstood the correct meaning uttered by the Prophet SAW.*

**Keywords:** *Ahl al-Sunnah, Syiah, Hadith, Comparison, Al-Thaqalayn.*

## **Pengenalan**

Ahl al-Sunnah dan Syiah Imamiyah mempunyai usul mazhab yang berbeza dalam memahami teks Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Daripada usul yang berbeza ini, menghasilkan buah pemikiran dan akar kepercayaan akidah yang berbeza. Salah satu daripada usul mazhab yang menampakkan perbezaan yang jauh di antara dua aliran pemikiran ini ialah usul dalam mengendalikannya hadis Nabi SAW. Ahl al-Sunnah mempunyai syarat-syarat yang tersendiri dalam menilai kesahihan sanad-sanad hadis yang dinasabkan kepada Nabi SAW. Syiah Imamiyah, walaupun mempunyai syarat yang hampir sama, namun Syiah turut menambah beberapa syarat penerimaan hadis sebagai salah satu usaha melestarikan akidah dan mazhab pemikiran mereka. Hal yang sama dilihat dalam kaedah memahami teks sesuatu hadis Nabi SAW.

Selain daripada perihal sanad dan matan, Ahl al-Sunnah dan Syiah Imamiyah juga mempunyai taraf perwiayatan sahabat Nabi SAW yang berbeza. Pentakrifan ini secara langsung memberi impak yang sangat besar kepada syarat penerimaan hadis, terutamanya kepada Syiah Imamiyah yang tampak lebih tegas. Dalam memahami perbezaan ini, kajian ini akan membincangkan syarat penerimaan hadis yang berbeza di sisi Ahl al-Sunnah dan Syiah. Kemudian, kajian akan menggunakan hadis al-Thaqalayn dalam meneliti perbezaan manhaj dan kesannya dalam membentuk isu akidah yang berbeza berkenaan status penghujahan dengan sunnah Ahl al-Bait Nabi SAW.

## **Syarat Penerimaan Hadis Di Sisi Ahl al-Sunnah Dan Syiah Imamiyah**

### **Hadis Sahih**

Hadis sahih di sisi Ahl al-Sunnah ialah “riwayat yang bersambungan sanadnya daripada perawi yang adil dan *dhobid* dalam seluruh sanad, dan tiada di dalamnya *syaz* atau kecacatan” (Al-Sayuti, T.t.). Pengertian ini sedikit berbeza dengan pengertian di sisi Syiah Imamiyah, di mana Syiah menambah beberapa syarat, sebagaimana yang dinukilkan oleh Al-‘Amili “riwayat yang diriwayatkan daripada perawi Imamiyah yang adil dan *dhobid* pada setiap peringkat” (Al-‘Amili, 1983). Al-Mirdamad turut memberikan takrifan yang senada, iaitu “riwayat yang bersambungan sanadnya daripada nukilan perawi Imamiyah yang adil semisalnya pada setiap peringkat yang bersambungan kepada mereka yang maksum” (Al-Mirdamad, 1422H).

Perbezaan yang dapat diperhatikan daripada definisi hadis sahih di sisi dua aliran pemikiran ini ialah; pertama, bahawa Syiah mensyaratkan bahawa semua perawi hadis di dalam sanad wajib berpegang dengan akidah Syiah Imamiyah. Kegagalan memenuhi syarat ini akan membuatkan hadis jatuh kepada status yang lebih rendah daripada sahih. Kedua, bahawa Syiah tidak memasukkan isu *syaz* dan kecacatan sanad yang tersembunyi sebagai syarat penerimaan hadis yang sahih. Tumpuan Syiah adalah lebih kepada kebersambungan sanad, bukan kritikan perawi sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Mirdamad (1422H) setelah beliau memberikan takrifan ini.

### **Hadis Hasan**

Hadis hasan ditakrifkan oleh Ahl al-Sunnah sebagai “riwayat yang bersambungan sanadnya daripada perawi yang adil yang sedikit lemah *dhobidnya* dalam sanad, tanpa ada sebarang *syaz* dan kecacatan” (Ibnu Hajar, 2001). Syiah Imamiyah pula mentakrifkan hadis hasan sebagai “riwayat yang bersambungan sanad kepada maksum, daripada perawi Imamiyah yang dipuji namun tidak mempunyai sandaran akan keadilan perawi tersebut, walaupun pada hanya satu peringkat di dalam sanad” (Al-Mirdamad, 1422H).

Dalam takrifan hadis hasan juga terdapat perbezaan di antara dua aliran pemikiran ini. Ahl al-Sunnah menjadikan isu *dhobid* sebagai penentu satu riwayat itu dinilai sebagai hasan. Isu *tsiqah* dan adil perawi sama sekali tidak dijadikan pertimbangan oleh Ahl al-Sunnah, dan seorang perawi yang bermasalah dari sudut *tsiqah* akan menjatuhkan nilai hadis tersebut kepada dhaif atau palsu. Berlainan dengan Syiah Imamiyah, mereka menjadikan isu *tsiqah* perawi yang tidak dijelaskan sebagai pertimbangan utama, dan perawi seumpama ini masih diterima dalam penilaian hadis hasan.

### **Hadis Dhaif**

Hadis dhaif ditakrifkan oleh Ahl al-Sunnah sebagai “hadis yang tidak ada di dalamnya sifat hadis sahih atau hasan” (Ibnu Solah, 1984). Dimaksudkan tidak mempunyai sifat hadis sahih atau hasan itu ialah samada sanadnya terputus, perawi di dalamnya bukan daripada golongan yang adil, atau lemah dan penjagaan hadis, atau hadis tersebut bercanggahan dengan riwayat yang lebih kuat, atau terdapat kecacatan tersembunyi di dalamnya, seperti isu *tadlis*. Hadis dhaif di sisi Syiah Imamiyah pula ditakrifkan sebagai “riwayat yang tidak mempunyai syarat hadis yang diterima, seperti di dalamnya ada perawi yang ditohmah, atau *majhul*, atau seumpamanya” (Al-Mamaqami, 1411H). Sekali lagi pentakrifan dhaif di sisi Syiah Imamiyah persis seperti takrifan sahih dan hasan, iaitu Syiah lebih menumpukan kepada isu *tsiqah* dan adil perawi berbanding soal *dhobid*, *syaz* atau kecacatan. Semua syarat-syarat yang dinyatakan di bahagian ini akan digunakan dalam menilai kesahihan hadis al-Thaqalayn di sisi Ahl al-Sunnah dan Syiah dalam perbincangan akan datang.

## **Penerimaan Riwayat Sahabat RA Di Antara Ahl al-Sunnah Dan Syiah Imamiyah**

### **Sahabat RA Di Sisi Ahl al-Sunnah**

Ahl al-Sunnah masyhur dengan keimanan kepada para sahabat RA, bahawa mereka ialah manusia yang berada di darjat kedudukan yang tertinggi. Setiap dari mereka bersifat adil, dan semua riwayat dan pandangan para sahabat RA diterima di sisi Ahl al-Sunnah. Ahl al-Sunnah berpegang dengan kedudukan ini berdasarkan kepada sumber-sumber syariah daripada Al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Sebagai contoh, Allah SWT berfirman: “Kamu ialah sebaik-baik umat yang diutuskan kepada manusia” (Aal Imran: 110), dan juga “Dan sedemikian Kami jadikan sekalian kamu umat pertengahan, agar kamu menjadi saksi kepada manusia, dan rasul menjadi saksi ke atas kamu” (Al-Baqarah: 143). Al-Syatibi (2001) menegaskan bahawa ayat ini pertamanya ditujukan khusus kepada para sahabat, dan juga kepada muslimin secara am.

Adapun daripada hadis Nabi SAW, Al-Bukhari (1422H) meriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah bersabda: “Janganlah kamu mencela sahabatku. Seandainya seorang daripada kamu menginfakkan emas sebesar Uhud, itu tidak akan sama dengan satu mud infaq seorang daripada mereka, ataupun separuh daripadanya”. Juga Nabi SAW (Al-Bukhari 1422H) menyebutkan berkenaan Hatib Bin Abi Balta’ah RA: “Sesungguhnya dai telah menyaksikan perang Badar. Apa yang kamu tahu bahawa Allah telah redha kepada Ahli Badar dan berfirman: “Buatlah apa sahaja yang kamu mahu, sesungguhnya Aku telah mengampunkan kamu semua”.

Implikasi daripada keimanan ini ialah Ahl al-Sunnah menerima semua riwayat daripada para sahabat RA, bahawa semua mereka dianggap adil dan dhobid. Adalah mustahil para sahabat RA yang sudah diiktiraf oleh Al-Quran akan berbohong berkenaan Nabi SAW.

### **Sahabat RA Di Sisi Syiah Imamiyah**

Bertentangan dengan Ahl al-Sunnah, Syiah Imamiyah pula mengingkari keadilan para sahabat RA, dan mereka tidak menerima sebarang riwayat daripada para sahabat RA melainkan sangat sedikit. Syiah menganggap bahawa semua sahabat Nabi SAW telah kufur setelah mereka menolah kepimpinan Ali RA setelah kewafatan Nabi SAW. Mereka turut berhujah bawah para sahabat RA telah murtad dengan berdalilkan beberapa ayat Al-Quran dan hadis Nabi SAW yang akan disebutkan. Sebagai contoh, firman Allah SWT:

“Tidaklah Muhammad melainkan seorang rasul yang telah diutuskan sebelumnya para rasul, sekiranya beliau mati atau dibunuh, kamu berbalik kepada agama asal kamu. Dan barangsiapa yang berbalik kepada agama asalnya maka dia tidak akan sesekali memberi mudharat kepada Allah, namun Allah memberikan balasan baik kepada mereka yang bersyukur” (Aal Imran: 144).

Syiah mendakwa bahawa ayat ini jelas mengisyaratkan kepada murtad para sahabat RA setelah kewafatan Nabi SAW (Al-Kulaini, T.t.). Implikasi daripada keimanan ini ialah Syiah Imamiyah menolak hampir kesemua riwayat yang datang daripada para sahabat Nabi SAW, melainkan lima (5) orang di antara mereka, dan juga Ahl al-Kisa’ yang akan dibincangkan. Status para sahabat RA menurut pandangan Syiah ini akan digunakan dalam kajian ini untuk menilai kesahihan hadis al-Thaqalayn menurut manhaj hadis Syiah.

### **Hadis al-Thaqalayn Menurut Ahl al-Sunnah**

Menurut versi Ahl al-Sunnah, pada teks hadis al-thaqalayn ini Nabi SAW bersabda:

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara berat (al-thaqalayn), selagi mana kamu berpegang dengannya nescaya sesekali kamu tidak akan sesat: kitab Allah, dan keluargaku ahli baitku, dan dua perkara ini tidak akan terpisah sehinggalah aku diberikan kolam tersebut, maka lihatlah (hati-hati) bagaimana kamu memikul tanggungjawab ini bagiku”.

Hadis ini juga datang dengan lafaz “kitab Allah, dan sunnahku”. Begitu juga hadis ini tidak datang dengan pesanan berpegang kepada Sunnah Nabi SAW, tetapi pesanan agar berpegang pada kitab Allah dan juga pesanan bagi menjaga ahli keluarga baginda SAW, seperti mana yang

diriwayatkan oleh Muslim: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang berat: pertamanya, kitab Allah. Di dalamnya ada panduan dan cahaya, maka ambillah dari kitab Allah, dan berpeganglah kepadanya”. Kemudian sabda baginda SAW: “Dan ahli baitku, aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan dengan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan dengan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan dengan ahli keluargaku”.

### **Hadis al-Thaqalayn Menurut Syiah Imamiyah**

Adapun dari segi lafaz hadis ini di sisi Syiah Imamiyah, terdapat sedikit variasi di mana sabda Nabi SAW:

"Wahai manusia, usahalah untuk Telagaku yang lebih besar daripada jarak Sana'a ke Basrah, dan di dalamnya terdapat cermin yang diperbuat daripada bintang perak, ingat bahawa aku akan bertanyakan kepada kalian apabila tiba masanya bahawa kalian diajukan semula kepadaku (kehidupan selepas mati) mengenai dua perkara penting, supaya kalian memikul tanggungjawab ini dengan berhati-hati sehingga kalian datang untuk bertemuku (mati)". Mereka bertanya: "Dan apakah dua perkara yang berat tu wahai Rasulullah?" Baginda s.a.w. berkata: "Perkara pertama yang berat adalah kitab Allah (Al-Quran), sebahagian daripadanya ada di Tangan Allah, dan sebahagiannya ada di tangan kalian, patuhilah ia dan kamu tidak akan sesat. Dan perkara kedua yang berat adalah keturunanku, ahli rumahku. Sesungguhnya aku telah diberitahu oleh Allah Yang Maha Pemurah bahawa kedua-duanya tidak akan hilang sehingga mereka kembali kepadaku pada hari kiamat, dan aku telah meminta Allah bagi mereka untuk kekal bersama dengan cara sebegini, dan Dia telah mengabulkan permintaanku. Jadi jangan mendahului mereka atau kalian akan tersesat, jangan mengambil mudah akan mereka atau anda akan binasa, dan jangan cuba untuk mengajar mereka, maka sesungguhnya mereka lebih tahu daripada kamu".

Maka di dalam versi Syiah Imamiyah ini, terdapat gesaan yang nyata agar berpegang, patuh dan taat kepada ahli keluarga baginda SAW, dengan amaran bahawa mengingkari atau mendahului ahli keluarga baginda SAW merupakan jalan menuju kesesatan.

### **Perbincangan**

#### **Sanad Hadis Al-Thaqalayn Menurut Ahl al-Sunnah**

Adalah penting sebelum meneruskan perbincangan berkenaan hadis ini, bagi kita melihat kepada riwayat hadis ini melalui lafaz yang berlainan. Perkara ini kerana tidak seperti hadis-hadis sebelum ini, lafaz yang berlainan dari hadis yang sama temanya ini membawa maksud yang berlainan, terutamanya pertentangan lafaz di antara “kitab Allah dan sunnahku”, dengan “kitab Allah dan ahli baitku”. Hal ini membuatkan para ulama’ telah berbahagi pandangan, ada sebahagian dari mereka memilih untuk menyisihkan satu lafaz berbanding lafaz lain disebabkan martabatnya yang diragui, dan ada juga ulama’ memilih untuk menyatukan dua lafaz yang berbeza ini dengan membawa maksud sebenarnya yang sama, dan semua ini akan dilihat di dalam perbincangan matan hadis ini. Berkenaan riwayat yang terkandung lafaz:

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang berat. Pertamanya kitab Allah, dan ahli keluargaku. Aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan dengan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan dengan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan dengan ahli keluargaku”.



Lafaz ini hanya diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya (Muslim, T.t.), dan satu-satunya riwayat ini adalah riwayat yang paling kuat sanadnya berbanding sanad bagi lafaz-lafaz yang lain. Maka kerana itu, kesahihan hadis ini dengan lafaz ini tidak perlu dibincangkan lagi.

Berkenaan riwayat yang mengandungi lafaz agar umat Islam berpegang dengan kitab Allah dan ahli baitnya, terdapat lima riwayat dengan sanad yang berbeza dari buku koleksi hadis Ahl Al-Sunnah Wal Jamaah. Pertama, diriwayatkan dari Abu Said Al-Khudri RA oleh Ahmad (1421H) dari Ibnu Numair, dari Abdul Malik Bin Abi Sulaiman, dari 'Atiyah Al-'Aufi, dan Al-Tabrani (2008) dari Muhammad Bin Abdullah Al-Hadrami, dari Minhab Bin Al-Harits, dari Ali Bin Al-Mushir, dari Abdul Malik Bin Abi Sulaiman, dari 'Atiyah Al-'Aufi. Di dalam hadis ini terkandung perawi Atiyah Al-'Aufi yang telah diperbincangkan di atas, dan beliau adalah perawi dhaif yang kuat mengamalkan tadlis, di samping seorang Syiah yang tegar menyokong bida'ahnya (Al-'Uqaili, 1404H). Maka hadis ini hukumnya dhaif.

Riwayat kedua adalah dari Jabir Bin Abdullah RA, diriwayatkan oleh Al-Tirmizi (T.t) dari Nasr Bin Abdul Rahman, dari Zaid Bin Al-Hasan, dari Ja'far Bin Muhammad, dari ayahnya, dan Al-Tabrani (T.t) dari sanad yang sama. Pada sanad hadis ini terkandung Zaid Bin Al-Hasan Al-Anmaati, yang mana beliau didhaifkan oleh Ibnu Hajar (1406H), dan juga kata Ibnu Abi Hatim (1271H): "Seorang ahli Kufah yang tinggal di Baghdad, hadisnya mungkar". Hadis ini disahihkan oleh Al-Albani di dalam Misykat Al-Masobih (1985) dan Sahih Sunan Al-Tirmizi (T.t.) seraya berkata: "Sahih dengan sebab hadis selepasnya", dan hadis selepasnya (riwayat ketiga) adalah dari Zaid Bin Arqam RA juga oleh Al-Tirmizi (T.t.) dari Ali Bin Munir Al-Kufi, dari Muhammad Bin Fudhail, dari Al-A'masy, dari 'Atiyah, dari Abu Said, dan juga (ini merupakan sanad keempat) dari Al-A'masy, dari Habib Bin Abi Tsabit, dari Zaid Bin Arqam. Namun di dalam hadis ini terkandung dalam sanadnya Ali Bin Al-Munzir Al-Kufi, yang mana kata Ibnu Hajar (1406H): "Beliau benar namun *tasyaiyu*". Pada sanad hadis ini juga terdapat Muhammad Bin Fudhail, yang mana kata Ibnu Hibban: "Adalah beliau melampau dalam *tasyaiyu*'nya". Juga kata Abu Daud: "Merupakan seorang Syiah yang tegar", begitu juga kata Ibnu Sa'ad: "Seorang tsiqah dan benar, meriwayatkan banyak hadis namun sebahagian hadisnya tidak boleh dijadikan hujah" (Ibnu Hajar, 1406H). Pada sanadnya juga ada 'Atiyah diperbincangkan di atas. Dimaksudkan tidak boleh dijadikan hujah sebahagian hadisnya adalah di dalam hadis yang menyokong bida'ahnya, sebagaimana hadis ini. Oleh itu pada pandangan pengkaji, pensahihan hadis ini oleh Al-Albani adalah tidak benar, disebabkan sanad hadis ini adalah sangat dhaif, dan bagaimana mungkin sanad yang sangat dhaif ini menguatkan hadis yang sebelumnya langsung mungkar melainkan jika hadis ini mempunyai sandaran lain dari para perawi yang tsiqah semuanya.

Adapun sanad terakhir juga dari Zaid Bin Arqam RA, diriwayatkan oleh Al-Hakim (1995) di dalam Mustadraknya dari Abu Bakar Bin Ishaq, dan Da'laj Bin Ahmad Al-Sijzi, dari Muhammad Bin Ayub, dari Al-Azraq Bin Ali, dari Hassan Bin Ibrahim Al-Karmani, dari Muhammad Bin Salmah Bin Kuhail, dari ayahnya, dari Abu Al-Tufail, dari Ibnu Watsilah. Di dalam sanad ini terdapat Muhammad Bin Salamah, kata Al-Zahabi (Al-Hakim, 1995): "Mereka berdua (Abu Bakar Bin Ishaq dan Da'laj Bin Ahmad Al-Sijzi, perawi hadis ini dari jalan Al-Hakim) tidak mengeluarkan hadis dari Muhammad Bin Salamah Bin Kuhail, dan beliau (Muhammad) didhaifkan Al-Sa'di". Maka hadis ini juga adalah dhaif.

Jalan sanad hadis ini walaupun banyak, namun dipenuhi dengan perawi yang mungkar dan *tasyaiyu*' tanpa ada sokongan dari mana-mana jalan sanad yang lebih baik dan *tsiqah*. Oleh itu walaupun sanadnya banyak, ianya masih dhaif.

Bagi lafaz ketiga, iaitu lafaz arahan dari Nabi SAW agar berpegang kepada kitab Allah dan sunnahnya, terdapat empat jalan sanad yang sahih, dua daripadanya dari koleksi hadis Ahl Al-Sunnah yang utama, iaitu Al-Muwatta' oleh Malik Bin Anas dan Al-Mustadrak oleh Al-Hakim, dan dua lagi dari koleksi hadis tambahan iaitu Musnad Al-Bazzar (1405H) dan Dalail Al-Nubuwwah (1401H) oleh Al-Baihaqi. Al-Hakim (1995) meriwayatkan dari Abdullah Bin Abbas: "Telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesekali sesat selepasnya: kitab Allah dan sunnahku". Hadis ini sahih tanpa sebarang ada masalah dengan sanadnya.

Begitu juga Al-Bazzar (1988) meriwayatkan dari Abu Hurairah dengan lafaz yang sama. Walaupun di dalam sanad hadis Al-Bazzar ini mempunyai perawi Salih Al-Talhi yang didhaifkan oleh Al-Bazzar sendiri, hadis ini disahihkan oleh Ibnu Hazm (T.t.) dan juga Al-Albani (1415H), disebabkan terdapat sanad lain yang sahih bagi lafaz hadis ini yang dibawakan secara lengkap oleh Ibnu Hazm. Manakala Al-Baihaqi (1405H) meriwayatkan dari jalan Musa Bin 'Uqbah RA, jalan ini juga sahih tiada masalah dengannya. Hadis ini juga dibawakan oleh Malik Bin Anas dengan lafaz 'telah sampai kepada kami', dan hadis lafaznya sahih kerana mempunyai saksi melalui jalan 'Amr Bin Al-'Auf (Al-Qurtubi, 1384H).

Pada kesimpulannya, kita melihat bahawa hadis ini datang dengan tiga lafaz yang berbeza. Lafaz bahawa baginda SAW mewasiatkan agar ahli keluarga baginda SAW dijaga dan dihormati adalah yang paling sahih bahkan diriwayatkan di dalam Sahih Muslim. Begitu juga lafaz "kitab Allah dan sunnahku" diriwayatkan dengan sanad yang sahih dari pelbagai jalan. Adapun lafaz agar umat Islam berpegang dengan kitab Allah dan ahli bait Nabi SAW, kesemua jalan sanad hadis ini adalah dhaif, melainkan yang disahihkan Al-Albani, namun tidak benar pensahihannya sebagaimana yang telah dibawakan di atas. Kesan sahih atau tidaknya lafaz hadis ini akan dibincangkan di dalam perbincangan matan hadis ini selepas dibawakan perbincangan sanad Syiah Imamiyah.

### **Sanad Hadis Al-Thaqalayn Menurut Syiah**

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Mufid (1414H) di dalam Al-Irsyad, Al-Tuusi (1404H) di dalam Al-Amaali, Al-'Iyaashi (T.t.) dalam tafsirnya, Al-Qummi (1404H) dalam tafsirnya, Al-Khazzar (1401H) dalam Kifayat al-Atsar, Al-Bahraani (T.t.) dalam Ghaayat al-Maram, Al-Saduq (1403H) di dalam Al-Khasal, Kamal Al-Din, Ma'aani al-Akhbar dan 'Uyuu al-Akhbar, Al-Tabari (1420H) dalam Bisyarat al-Mustafa, Al-Kulayni (T.t.) dalam Al-Kafi, dan Al-Nu'maani (1422H) dalam Al-Ghaibah.

Berdasarkan riwayat-riwayat ini, tidaklah menghairankan jikalau Syiah Imamiyah dengan pantas mendakwa bahawa hadis ini mutawatir di sisi mereka dan bahawa ianya adalah bukti jelas dengan kemaksuman ahli keluarga baginda SAW. Pada pandangan mereka, riwayat hadis ini terlalu banyak, sehingga mustahil bagi kesemua individu di dalam sanad hadis ini bersepakat untuk berbohong pada Nabi SAW. Dengan itu adalah penting bagi pengkaji untuk meneliti sanad hadis ini dengan lebih mendalam, bagi melihat apakah benar dakwaan mereka, ataupun sekali lagi Syiah Imamiyah melanggar disiplin hadis hatta yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Bagi demikian, akan dilihat dengan lebih dekat berkenaan para perawi hadis ini di peringkat sahabat ra, kerana jika di satu peringkat sahaja sudah tidak mencapai bilangan perawi yang ramai dan diterima maka secara automatiknya hadis ini tidak mencapai mutawatir walaupun bilangan perawinya berkembang dari segi jumlahnya selepas peringkat sahabat RA.

Selepas hadis telah dikeluarkan dari buku-buku tafsir dan koleksi hadis Syiah, kajian mendapati bahawa hadis ini telah diriwayatkan oleh hanya dua puluh lima sahabat Nabi SAW. Mereka adalah Ali Bin Abi Talib, kedua anaknya Al-Hasan dan Al-Husain, Abdullah Bin Abbas, Umar Al-Khattab, Fatimah, Zaid Bin Tsabit, Abu Dzar Al-Ghiffari, Huzayfah Bin Usaid, Zaid Bin Arqam, Abu Al-Tufayl, Abu Said Al-Khudri, Jabir Bin Abdullah, Huzaifah Bin Yaman, Abu Hurairah, Al-Barra Bin Azib, Al-Abbas Bin Abdul Muttalib, Al-Fadlu Bin Abbas, Ummu Salamah, Miqdad, Ammar Bin Yasir, 'Abdullah Bin Mas'ud, Abu Ayyub Al-Ansari, Anas Bin Malik dan tujuh puluh individu yang mengambil bahagian dalam peperangan Badar, namun Syiah Imamiyah tidak menyatakan mereka dengan khusus.

Ia adalah penting untuk diingati bahawa majoriti sahabat yang dinyatakan di atas telah ditolak oleh Syiah Imamiyah. Diriwayatkan oleh Al-Kulayni (T.t.) dari Jafar al-Sadiq: "Semua orang (para sahabat) murtad selepas Nabi SAW kecuali tiga orang". Aku (Hannan) bertanya: "Dan siapakah mereka bertiga?" Beliau berkata: "Al-Miqdad Bin al-Aswad, Abu Dzar al-Ghiffari, dan Salman al-Farisi". Apa yang boleh kita fahami di sini, adalah bahawa daripada semua 25 orang yang meriwayatkan hadis ini, hanya beberapa daripada mereka memenuhi terma dan syarat Syiah Imamiyah dalam menerima sesebuah hadis, dan mereka adalah: Ali Bin Abi Talib, Al-Hasan, Al-Husain, Fatimah Binti Rasulullah SAW, Abu Dzar dan Al-Miqdad. Manakala kesemua perawi yang lain dianggap sebagai murtad, maka mereka semua tertolak secara automatik tanpa memerlukan perbincangan lanjut.

Kita akan melihat rantai perawi dari yang dinyatakan di atas diterima iaitu enam sahabat. Dari jalan Ali Bin Abi Talib, terdapat enam belas sanad bagi hadis ini yang diriwayatkan dari Ali Bin Abi Talib. Daripada enam belas, sembilan daripadanya telah disampaikan melalui Abban Bin Iyash, dan beliau telah dilabelkan sebagai lemah oleh Al-Khoei, Al-Tuusi dan Ibnu al-Ghadairi (Taqiyuddin al-Sunni, 1432H). Sanad kesepuluh terkandung Ahmad Bin al-Husain al-Qattan, Al-Hasan Bin Ali dan Jafar Bin Muhammad Al-Kindi, semua daripada mereka adalah tidak diketahui (*majhul*). Sanad kesebelas terkandung Ali Bin Ibrahim Al-Qummi, yang dikenali sebagai pembohong, dan juga Muhammad bin Abi Umair yang juga *majhul* (Taqiyuddin Al-Sunni, 1432H). Sanad kedua belas dan ketiga belas terkandung Al-Husain Bin Abdullah Al-Tamimi dan Daud Bin Sulayman Al-Farra', dan kedua-dua mereka juga *majhul*. Baki tiga sanad yang lain pula telah diriwayatkan oleh Muhammad Bin Umar Bin Salim, Al-Hasan Bin Abdullah Bin Said, serta Uqbah Bin Musa, dan seperti di atas, kesemua mereka tidak diketahui dari seorang perawi yang dipercayai atau tidak (Taqiyuddin Al-Sunni, 1432H).

Kesimpulannya, tidak ada yang diriwayatkan hadis ini daripada Ali Bin Abi Talib boleh diterima menurut syarat Syiah Imamiyah sendiri.

Dari jalan Al-Hasan Bin Ali, hanya dua sanad yang diriwayatkan bagi hadis ini. Sanad pertama telah disampaikan melalui Muhammad Bin Ukashah, Ahmad Bin Yusuf Al-Hamsi, dan Ali Bin Musa Al-Ghatfani. Kesemua mereka *majhul* (Taqiyuddin Al-Sunni, 1432H). Sanad kedua telah diriwayatkan daripada Muawiyah Bin Hisham, yang juga tidak diketahui. Oleh itu tidak ada sanad hadis ini yang sah menurut syarat Syiah.

Dari jalan Al-Husain Bin Ali, hanya satu sanad diriwayatkan dari beliau, dan ia telah melalui Musa Bin Uqbah yang disebutkan di atas sebagai *majhul*. Dari sanad Fatimah Binti Rasulullah SAW, juga hanya satu sanad telah diriwayatkan dan itu adalah hadis Fadak yang tidak benar-benar membincangkan hadis al-Thaqalayn.



Dari sanad Abu Zar Al-Ghiffari, hanya satu sanad telah dilaporkan darinya, dan ia telah disampaikan melalui Al-Rabi' Bin Yasar dan Al-Hasan Bin Ali B. Zakaria, kedua-dua mereka *majhul ain*. Di samping itu, sanad ini juga telah melalui 'beberapa sahabat', yang tidak diberikan butiran, oleh itu ianya tidak boleh diuji.

Dari Miqdad Bin Al-Aswad, juga telah diriwayatkan oleh satu sanad melalui 'Ammar Bin Yasir dan Abdullah Bin Mas'ud. Sanad ini telah melalui 'Ubaid Bin Katsir Bin Muhammad yang dianggap sebagai lemah oleh Al-Hilli (T.t.). Begitu juga Al-Hasan Bin Said Al-Hashimi yang juga *majhul*.

Seperti yang kita dapat lihat, tiada sanad yang telah dibentangkan dalam buku-buku Syiah menyokong hujah mereka bahawa hadis ini adalah mutawatir di kalangan mereka kerana tiada sanad ini yang mencapai tahap hadis yang sahih menurut syarat Syiah Imamiyah. Mungkin yang dimaksudkan oleh Syiah Imamiyah adalah jalan periwayatan hadis ini yang sahih, iaitu "satu riwayat daripada para perawi Syiah yang adil dan *dhobid* dalam setiap peringkat sanad" (Al-Hurr Al-Amili, 1983) yang banyak, sehingga mencapai darjat mustahil mereka berpakat untuk menipu berkenaan Nabi SAW. Namun, mereka tertinggal syarat yang penting, iaitu mestilah beberapa jalan atau sanad ini berstatus sahih, kerana hanya dengan status sahih sahaja sesuatu hadis itu boleh mencapai darjat mustahil sebagai satu penipuan. Maka bagaimana riwayat dan sanad-sanad Syiah ini melalui para perawi yang mereka tidak terima malahan diiktiraf sebagai kafir, hatta Umar Al-Khattab turut muncul di dalam sanad mereka, boleh dikatakan mustahil untuk menipu? Hal ini dengan jelas menunjukkan disiplin Syiah yang sangat lemah dalam menilai hadis, dan mana-mana sahaja hadis yang menunjukkan beberapa ciri mutawatir, mereka dengan cepat menerimanya sebagai mutawatir, walhal banyak lagi syarat mutawatir yang tidak dipenuhi. Manakan tidak, dalam rumpun hadis-hadis yang diperbincangkan di dalam bab ini, hanya hadis ini sahaja yang mempunyai ciri-ciri mutawatir, maka jika mereka bertegas dalam periwayatan hadis, akan lenyaplah segala hadis mereka yang pada hakikatnya dhaif dan palsu kesemuanya. Mungkin inilah yang dikatakan oleh Al-Hurri Al-Amili (1983) selepas beliau memberikan definisi hadis yang sahih di sisi Syiah: "Dan jika kita mengikuti syarat sahih hadis ini secara hakikat, ini akan mendhaif dan menjadikan kesemua status hadis di sisi kita palsu dan tertolak".

### **Perbincangan Matan Hadis al-Thaqalayn**

Menurut ulama' silam, terdapat beberapa pandangan yang berbeza dalam menerangkan perihal hadis dua pemberat ini. Pandangan pertama adalah bahawa tidak dimaksudkan dengan dua pemberat ini, atau dua ikutan yang wajib bagi umat Islam sebagai Al-Quran dan juga ahli keluarga baginda SAW, disebabkan tiada hadis yang menyebut kewajipan berhujah dengan ahli keluarga baginda SAW mencapai darjat sahih, melainkan yang disahihkan oleh Al-Albani, seperti mana yang telah dibawakan di atas. Maka kerana itu, idea bahawa amal ahli keluarga baginda SAW sebagai satu hujah adalah tertolak secara terus. Kata Ibnu Al-Qudamah (1423H): "Kami tidak menerima apa yang dimaksudkan dengan dua pemberat itu sebagai Al-Quran dan ahli keluarga baginda SAW, adapun ianya bermaksud; Al-Quran dan Sunnah Nabi SAW sebagaimana di dalam riwayat lain: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesekali sesat selagi mana kamu berpegang dengannya; kitab Allah dan Sunnah rasulNya", diriwayatkan oleh Malik dalam Al-Muwatta'nya".

Pandangan yang sama juga turut direkodkan dari Al-Aamidi (Ibnu Hazm, T.t.). Pandangan ini juga merupakan pandangan yang mana pengkaji cenderung ke arahnya, disebabkan hadis yang

dhaif bahkan bertentangan matannya dengan hadis-hadis lain yang mencapai darjat sahih itu adalah lebih utama dan menepati manhaj agama.

Namun dalam masa yang sama, penulis turut memandang kata-kata Ibnu Taimiyah dalam menghimpunkan hadis ini juga cukup baik, malahan ianya lebih mudah digunakan dalam menolak dakwah Syiah Imamiyah dengan penghujahan amalan ahli keluarga baginda SAW. Kata Ibnu Taimiyah (1986):

“Sesungguhnya Nabi SAW bersabda berkenaan ahli keluarga baginda SAW, bahawa sesungguhnya ahli keluarga baginda SAW dan kitab Allah tidak akan berpisah sehinggalah baginda SAW diberikan kolamnya Akhirat kelak, dan benarlah baginda SAW dan dibenarkan baginda SAW, maka ini menunjukkan bahawa ijma’ (persepakatan) ahli keluarga baginda SAW adalah hujah, dan ini merupakan pandangan sebahagian dari sahabat kami, dan Al-Qadi (Ibnu ‘Iyadh) dikatakan telah berkata yang sama. Namun yang diertikan dengan ahli keluarga baginda SAW itu adalah Bani Hasyim seluruhnya: anak-anak Al-Abbas, anak-anak Ali, anak-anak Al-Haris Bin Abd Al-Muttalib, dan sekalian anak-anak Abi Talib, dan Ali seorang diri bukanlah yang dimaksudkan dengan ahli keluarga, dan ketua keluarga ini adalah Rasulullah SAW”.

Begitu juga Al-Albani mengeluarkan perkataan yang bernas, bahawa yang dimaksudkan dengan ahli keluarga baginda SAW itu adalah ulama’ dan sahabat yang alim di kalangan mereka, dan termasuk dalam pengertian ini adalah isteri-isteri baginda SAW yang arif dan mengetahui ajaran Al-Quran dan Sunnah baginda SAW dengan baik, yang paling menonjol di antara mereka adalah Aisyah RA. Namun Syiah Imamiyah hanya menghadkan istilah ahli keluarga itu sebagai Ali, Fatimah, Al-Hasan dan Al-Husain RA, tidak selainnya, dan tafsiran ini adalah tafsiran salah yang mengikuti hawa nafsu mereka (Al-Albani, 1415H).

Istilah dan pengertian ahli keluarga baginda SAW itu sendiri sudah disalahtafsirkan oleh Syiah, dengan menghadkan kepada beberapa individu sahaja. Jika dikatakan bahawa ahli keluarga adalah ahli Al-Kisa’ yang telah dibincangkan di atas, maka sudah dijelaskan bahawa hadis tersebut adalah penyokong kepada istilah Ahl Al-Bait di dalam Al-Quran, bahawa ayat tathir ditujukan kepada para isteri baginda SAW, kemudian Nabi SAW mengikuti dengan permohonan kepada Allah SWT bahawa disertakan sekali Ali, Fatimah, Al-Hasan dan Al-Husain RA sebagai mereka yang suci hatinya, sentiasa mengajak ke arah kebenaran dan mencegah dari kemungkaran. Oleh itu, jika dasar kefahamannya sudah terpesong, takrifan hadis ini juga pasti akan terpesong.

Tambahan pula, lafaz matan hadis yang sahih di dalam riwayat Muslim di atas tidak menyatakan kewajipan berhujah dengan ahli keluarga baginda SAW. Adapun sebutan yang direkodkan dari Nabi SAW adalah lebih kepada wasiat, agar menjaga ahli keluarga baginda SAW, menghormati mereka, mencukupkan keperluan mereka dan mengambil berat terhadap hal ehwal dan perbendaharaan mereka. Maka ini adalah perkara biasa jika seorang yang sehebat baginda SAW menghampiri kewafatannya akan berasa risau dengan kebendaharaan keluarga baginda SAW, dan menyeru para sahabat RA agar menyintai dan menjaga mereka dengan baik. Pandangan ini juga turut direkodkan dari Al-Qurtubi (2008). Begitu juga Ibnu Katsir (2000) berkata:

“Dan tidak diingkari wasiat dengan Ahl Al-Bait, dan arahan untuk berbuat baik dengan mereka, memuliakan dan menghormati mereka, dikeranakan mereka adalah dari keturunan yang suci, dari semulia-mulia keluarga di muka bumi, khususnya jika mereka kuat mengikuti Sunnah Nabi

SAW, yang mana sahah dan terang dan jelas, sebagaimana mereka yang awal dari keluarga ini, seperti Al-Abbas dan anak-anaknya, dan Ali dan keluarganya dan keturunan mereka RA”.

Jauh sekali hadis ini digunakan bagi membuktikan kemaksuman para ahli keluarga baginda SAW, ianya lebih menunjukkan keseimbangan Ahl Al-Sunnah dalam menyintai mereka dan tidak benar sekali sebagaimana dakwaan mereka bahawa Ahl Al-Sunnah, terutamanya para sahabat baginda SAW yang sezaman dengan Ali dan ahli keluarganya membenci Ahl Al-Bait baginda SAW. Dari penerangan hadis ini melalui kalam ulama’ Ahl Al-Sunnah yang berbeza, jelas tiada sesiapa pun dari mereka yang menafikan kecintaan dan penghormatan kepada keluarga baginda SAW, dan mereka tidak berlebihan sehingga mengangkat golongan ini sebagai maksum, menerima ilham dari Allah dan sebagainya dari perkara yang batil dan khurafat. Begitu kecintaan yang turut digema oleh Ibnu Baz (T.t.):

“Kami bersama kamu (Syiah) di dalam menyintai Ahl Al-Bait berpegangkan syariat Allah, dan redha dengan mereka, dan beriman bahawa mereka adalah dari kalangan hamba Allah yang baik, beramalkan wasiat Nabi SAW ketika mana baginda SAW bersabda melalui Zaid Bin Arqam di dalam hadis Muslim: “Aku tinggalkan kepada kamu dua pemberat, pertamanya: kitab Allah, di dalamnya petunjuk dan cahaya, maka berpeganglah dengan kitab Allah...kemudian baginda SAW bersabda: Dan ahli keluargaku, aku mengingatkan kamu dengan Allah berkenaan ahli keluargaku”.

Pada perbincangan hadis ini juga, banyak percubaan dari pihak Syiah Imamiyah bagi mendhaifkan hadis yang di dalamnya terkandung lafaz agar berpegang dengan sunnah baginda SAW, bukan ahli keluarga baginda SAW. Antara hujah yang mereka gunakan kerap kali adalah kelemahan perawi Salih Bin Musa Al-Talhi yang telah diperbincangkan, yang mana kebanyakan dari hadis ini melalui perawi tersebut. Beberapa kritikan didapati di dalam hal ini. Pertamanya, hadis ini mempunyai banyak lagi riwayat lain, yang melalui perawi yang lain, sehingga ianya mencapai darjat yang sahah dan boleh diamalkan. Keduanya, sekalipun diberi anggapan bahawa hadis ini tidak sahah, itu tidak membuatkan hadis al-Thaqalayn yang menyebut ahli keluarga baginda SAW sebagai hujah secara automatik menjadi sahah dan diterima. Ketiga, juga jika hadis ini benar tidak sahah, banyak lagi penghujahan lain dari Al-Quran dan hadis Nabi SAW yang dengan jelas menyebut berkenaan pegangan mukmin dengan Al-Quran dan sunnah baginda SAW, dan gandingan ini tidak akan sesekali menjadi gandingan yang berasingan sehinggalah ke Hari Kebangkitan. Firman Allah SWT:

“Dan tidaklah boleh bagi lelaki yang beriman dan tidak pula wanita yang beriman apabila Allah dan rasulNya menetapkan aturan, (dia menganggap) ada aturan yang lebih baik darinya, dan sesiapa yang ingkar kepada Allah dan rasulNya maka dia telah sesat dengan sesat-sesatnya” (Surah Al-Ahzab:36).

Juga firman Allah SWT: “Dan apa-apa yang dibawakan rasul kepada kamu maka ambillah, dan apa-apa yang dia larang kamu berkenaannya maka tinggalkanlah” (Surah Al-Hasyr:7). Juga firman Allah SWT: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika kamu menyintai Allah dan rasulNya maka ikutilah aku (sunnahku). Katakanlah (wahai Muhammad): “Taatilah Allah dan rasulNya, dan jika mereka berpaling sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang kufur” (Surah Aal Imran:31-32). Juga:

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah, taatilah Rasul dan juga mereka yang diberi kuasa dari kalangan kamu. Sekiranya kamu berselisih berkenaan sesuatu maka rujuklah pada Allah dan rasulNya, jika benar kamu beriman dengan Allah dan Hari Kemudian. Itu adalah kebaikan dan itu adalah sebaik-baik takwilan” (Surah al-Nisa:59).

Ayat-ayat ini tidak hanya menyebut Allah dan Rasul, bahkan tiada disebut para Imam maksum atau seantaranya. Jika benar keimanan kepada para imam adalah wajib, maka mustahil Allah SWT terlupa dalam menyampaikannya di dalam satu-satunya buku yang terpelihara keasliannya di muka bumi ini.

Secara kesimpulan keseluruhan perbincangan hadis ini, benar ahli keluarga baginda SAW mempunyai kelebihan disebabkan Rasul akhir zaman datang dari keluarga mereka, dan kerana itu juga para muslimin meletakkan cinta yang mendalam kepada mereka. Namun Ahl Al-Sunnah dengan penerangan yang jelas menolak hujah Syiah dengan hadis ini bahawa hadis ini menunjukkan kemaksuman ahli Al-Kisa dan para Imam keturunan mereka, dan ianya hanyalah satu dakyah Syiah yang keliru dalam memahami nas yang sahih.

### **Kesimpulan**

Pada kesimpulannya, analisis yang dilakukan memberikan empat hasil yang utama. Pertama, syarat penerimaan hadis di sisi Syiah Imamiyah lebih menumpukan kepada isu kesahihan akidah, iaitu hanya perawi yang berakidah Syiah Imamiyah yang diterima sebagai syarat sahih. Sekiranya ada perawi di dalam sanad hadis berasal daripada mazhab pemikiran yang berbeza, maka tahap kesahihan hadis itu akan jatuh kepada hasan, atau dhaif, bahkan palsu. Syiah Imamiyah juga tidak menerima riwayat daripada para sahabat Nabi SAW, membuatkan sanad hadis al-Thaqalayn ini tidak mencapai darjat sahih menurut syarat Syiah sendiri. Berbeza dengan Ahl al-Sunnah, mereka menekankan isu *dhobid* seorang perawi sebagai tumpuan utama. Perbezaan ini paling jelas di dalam definisi hadis hasan yang ditakrifkan oleh kedua aliran pemikiran. Ahl al-Sunnah juga lebih fleksibel dengan menerima riwayat daripada perawi yang tidak berasal daripada mazhab Ahl al-Sunnah, dengan syarat perawi tersebut memenuhi syarat yang ditetapkan, iaitu *tsiqah*, adil dan *dhobid*. Syarat ini membuatkan lebih banyak hadis yang sahih dalam koleksi Ahl al-Sunnah.

Kedua, bahawa lafaz yang sahih berkenaan dengan hadis al-Thaqalayn ini ialah lafaz baginda Nabi SAW mengarahkan untuk menjaga Al-Quran dan menjaga kepentingan ahli keluarga baginda SAW, terutama setelah kewafatan baginda. Satu lagi lafaz yang sahih ialah di mana Nabi SAW menyebut “kitab Allah dan sunnahku”. Lafaz yang mengandungi arahan Nabi SAW untuk mengikuti sunnah Ahl al-Bait, ialah lafaz yang dhaif dan tidak mempunyai sandaran yang kuat dan sahih.

Ketiga, hadis al-Thaqalayn menurut sanad-sanad yang dikemukakan oleh Syiah, meskipun banyak dan berbilang, tidak mempunyai sanad yang sahih walaupun satu sanad. Faktor utama kelemahan ini adalah disebabkan Syiah tidak menerima riwayat selain daripada riwayat Ahl al-Bait dan sejumlah lima orang sahabat Nabi SAW. Sanad-sanad yang melalui beberapa individu ini pula telah disemak dan semua sanad ini mempunyai para perawi hadis yang lemah dan tidak diterima periwayatan mereka.

Keempat, analisis daripada sudut matan dari sanad yang sahih pula memberikan kefahaman bahawa hadis al-Thaqalayn adalah berkenaan penekanan Nabi SAW untuk menjaga dan menyintai Ahl al-Bait baginda SAW, kerana hubungan mereka yang rapat dengan Nabi SAW. Hadis al-Thaqalayn tidak menyatakan perihal kemaksuman mereka, atau pertuturan dan perbuatan mereka sebagai sebahagian daripada sunnah Nabi SAW.

## Rujukan

- Ahmad Bin Hanbal. (1421). *Musnad Ahmad*. T.tp: Muassasat Al-Risalah.
- Al-Albani, Nasir Al-Din. (T.t.) *Sahih Wa Dhaif Sunan Al-Tirmizi*. Alexandria: ManzumatTahqiqaat Al-Hadisiyah.
- Al-Amili, Muhsin al-Amin. (1983). *A'yan al-Syiah*. Tahqiq Hasan al-Amin. T.tp: T.p.
- Al-Bahraani, Sayid Hashim. (T.t.). *Ghaayat Al-Maram*. Tapisan: Al-Sayid Ali 'Asyur.T.tp: t.p.
- Al-Bazzar, Abu Bakar Ahmad Bin 'Amru. (1988). *Musnad Al-Bazzar*. Madinah: Maktabatal-'Ulum Wa Al-Hu
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail Abu Abdillah. (1422H). *Al-Jaami' Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar*. T.tp: Dar Tuq Al-Najah.
- Al-Hakim, Abu Abdullah Al-Naisaabuuri. (1995). *Al-Mustadrak 'Ala Al-Sahihayn*. Beirut:Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Hur Al-'Amiliy. (1983). *Wasaail Al-Syiah*. Iran: Muassasat Aal Al-Bait.
- Al-'Iyaashi, Muhammad Bin Mas'ud. (T.t.) *Tafsir Al-'Iyaashi*. Tapisan: Al-Sayid AlHashim Al-Rasuli. Iran: t.p..
- Al-Khazzar Al-Qummi. (1401H). *Kifayat Al-Atsar Fi Al-Nas 'Ala Al-Aimmah Al-Itsna 'Asyar*. Tapisan: Al-Sayid Abdul Latif Al-Husaini. T.tp:., t.p.
- Al-Kulayni, Muhammad Bin Yaqub. (T.t) *Al-Kafi*. Ta'liq 'Ali Akbar Al-Ghafari. Tehran:Darul Kutub Al-Islamiyah.
- Al-Mamaqami, Abdullah. (1411H). *Miqbas al-Hidayah Fi 'Ilm al-Dirayah*. Khum:Muassasat Al al-Bait Li Ihya al-Turath.
- Al-Mirdamad, Muhammad Baqir al-Husaini. (1422H). *Al-Rawashih al-Samawiyah*.Khum: Muassasat al-Nasyr al-Islami.
- Al-Nawawi, S. (1392H). *Syarah Muslim*. Beirut: Dar Al-Turath Al-'Arabi.
- Al-Nimri Al-Qurtubi, Abu Umar Yusuf Bin Abdullah. (1387H). *Al-Tamhid Lima Fi AlMuwatta' Min Al-Ma'ani Wa Al-Asanid*. Maghribi: Kementerian Pembangunan &Hal Ehwat Islam.
- Al-Qummi, Ali Bin Ibrahim. (1404H). *Tafsir Al-Qummi*. Tapisan: Al-Syed Tayyib AlMusawi Al-Jazairi.
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad Bin Ahmad bin Abi Bakar. (2008.) *Al-MufhimLima Asykala Min Talkhis Kitab Muslim*. T.tp: t.p.
- Al-Saduq, Ibnu Babawayh. (1403H). *Al-Khasal*. Tapisan: Ali Akbar Al-Ghaffari. T.tp: t.p.
- \_\_\_\_\_. (1405H). *Kamal Al-Din Wa Tamaam Al-Nikmat*. Tapisan: AliAkbar Al-Ghaffari. T.tp: t.p.
- \_\_\_\_\_. (1379H). *Ma'ani Al-Akhbar*. Tapisan: Ali Akbar Al-Ghaffari.Iran: t.p.
- \_\_\_\_\_. (1404H). *'Uyuun Al-Akhbar Al-Ridha*. Tapisan: Syeikh AlHusayn Al-A'mali. T.tp; t.p.
- Al-Sayuti, Abd al-Rahman Bin Abi Bakar. (T.t.). *Tadrib al-Rawi Fi Syarh Taqrib AlNawawi*. Riyadh: Maktabat Riyadh Al-Hadis.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim. (2001). *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar alKutub al-'Ilmiah.
- Al-Tabari, Muhammad Bin Ali. (1420H). *Bisyarat Al-Mustafa*. Tapisan: Jawwad AlQayyuumi. T.tp.: t.p.
- Al-Tabrani. (T.t.) *Al-Mu'jam Al-Ausat*. Kaherah: Dar Al-Haramain.
- Al-Tabrizi, Muhammad Bin Abdullah Al-Khatib Al-'Umari. (1985). *Misykat Al-Masobih*.Tapisan Muhammad Nasir Al-Din Al-Albani. Beirut: Al-Maktab Al-Islami.
- Al-Tirmizi, Abu Isa. (T.t.). *Al-Jaami' Al-Sahih Sunan Al-Tirmizi*. Beirut: Dar Ihya' AlTurath Al-'Arabi.



- Al-Tuusi, Muhammad Bin Al-Hasan. (1404H) *Al-Amaali*. Iran: Muassasat Al-Bi'sah.
- Al-'Uqaili, Abu Ja'far Muhammad Bin 'Amr. (1404H). *Al-Dhu'afa Al-Kabir*. Beirut: DarAl-Maktabah.
- Hasan Abdullah. (2015). *Ayat Al-Tathir: Syubhat Wa Rudud*. Beirut: Maktabat Al al-Bait.
- Ibnu Abi Hatim, Abu Muhammad Abdul Rahman Bin Muhammad. (1271H). *Al-Jarh WaAl-Ta'dil*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath.
- Ibnu al-Salah, Abu 'Amru Uthman. (1984). *Al-Muqaddimah Fi 'Ulum al-Hadis*. T.tp.:Maktabah al-Farabi.
- Ibnu Baz, Abd Al-Aziz Bin Abdullah. (T.t.). *Majmu' Al-Fatawa Ibnu Baz*. Susunan:Muhammad Bin Sa'ad Al-Syuwai'ir. T.tp.; t.p.
- Ibnu Hajar. (1406H). *Taqrib Al-Tahzib*. Syria: Dar Al-Rasyid.
- \_\_\_\_\_. (2001). *Nuzhat al-Nazr Fi Taudih Nukhbat al-Fikr*. Riyadh: Universiti Islam Muhammad Bin Saud.
- Ibnu Hazm, Abu Muhammad Ali Bin Ahmad (T.t.) *Al-Ihkaam Fi Usul Al-Ahkaam*. Beirut:Dar Al-Afaq Al-Jadidah.
- Ibnu Katsir, Muhammad Bin Ismail Abu Al-Fida'. (2000). *Tafsir Al-Quran Al-Azhiim*.Beirut: Darul Fikri.
- Ibnu Manzur. (T.t). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibnu Qudamah, Abu Muhammad Muwaffiq Al-Din. (1423H). *Raudhat Al-Nazir Wa annat Al-Manazir Fi Usul Al-Fiqh 'Ala Mazhab Al-Imam Ahmad Bin Hanbal*. T.tp:Muassasat Al-Rayyan Li Al-Taba'ah.
- Ibnu Taimiyah, Taqiyuddin Abu Al-Abbas Ahmad. (1986). *Minhaj Al-Sunnah AlNabawiyah*. Riyadh: Universiti Islam Muhammad Bin Saud.
- \_\_\_\_\_. (1416H). *Majmu' Al-FatwaIbnu Taimiyah*. T.tp: Dar Al-Wafa'.
- Mahmud Al-Risyahri. (1375H). *Ahl Al-Bait Fi Al-Quran Wa Al-Sunnah*. Mussasat Dar AlTsaqafah.
- Muslim Bin Hajjaj. (T.t.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Al-Ihya' Al-Turas Al-'Arabi.
- Sayid Husayn Al-Milani. (T.t.). *The Hadis of the Will About Al-Thaqalayn: The Book &The Sunnah*. Laman web Al-Islam [www.al-islam.org/articles/hadis-will-wasiyya](http://www.al-islam.org/articles/hadis-will-wasiyya), akses 29 Januari 2015.
- Syeikh Al-Mufid. (1414H). *Al-Irsyad*. Iran: Muassasat Aal Al-Bait.
- Taqiyuddin Al-Sunni. (1432H). *Al-Qunbulah Ad-Diniyyah Fi Takhrij Hadis AlThaqalayn*. T.tp: Al-Tariq Ila Al-Sunnah.